

Singapura tidak berhak beri amaran — PM

UM 27 JAN 2003

SUBANG 26 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Singapura tidak berhak memberi amaran kepada Malaysia supaya menjauhi Pulau Batu Putih kerana negara ini tidak mengiktiraf dakwaan pemilikan oleh republik berkenaan.

Perdana Menteri berkata, Malaysia sebenarnya mempunyai hak yang sama untuk berada di perairan pulau itu seperti yang dilakukan oleh Singapura kerana hak milik mutlak pulau berkenaan belum diputuskan.

“Kita tidak iktiraf Singapura sebagai berkuasa di perairan Pulau Batu Putih.

“Perairan itu masih dalam pertikaian, belum tentu, jadi dengan itu kita juga berhak, sama seperti Singapura berhak,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di sini hari ini, sekembalinya daripada lawatan ke Lubnan dan Mesir serta menghadiri Forum Ekonomi

Dunia (WEF) di Davos, Switzerland.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Pertahanan merangkap Timbalan Perdana Menteri Singapura, Dr. Tan Keng Yam, pada Rabu lalu yang mengeluarkan amaran bahawa Malaysia harus bertanggungjawab terhadap sebarang ketegangan dan risiko berlakunya kejadian yang tidak diinginkan sekiranya pihak berkuasa negara ini mendekati perairan Pulau Batu Putih.

Beberapa hari sebelumnya, Keng Yam membuat kenyataan keras di Parlimen republik itu supaya Malaysia menghentikan rondaan di kawasan pulau berkenaan.

Dalam kenyataan balas pada Khamis lalu, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan Malaysia akan terus menjalankan rondaan di kawasan perairan Pulau Batu Putih.

Najib yang menyifatkan Keng Yam itu membuat kenyataan provokatif, telah menegaskan bahawa negara ini berhak untuk melakukan rondaan

berterusan seperti yang dilakukan sejak 1964 lagi sehingga pemilikannya ditentukan oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

Kedua-dua negara sebelum ini bersetuju untuk menandatangani perjanjian pada 6 Februari ini untuk membawa isu tuntutan bertindih terhadap Pulau Batu Putih ke ICJ di The Hague, Belanda.

Merujuk pula kepada kenyataan Menteri Luar Singapura, S. Jayakumar semalam, Perdana Menteri berkata, layanan Singapura terhadap Malaysia dalam isu Pulau Batu Putih langsung tidak mencerminkan hubungan antara dua negara jiran yang sama-sama berhak terhadap pulau berkenaan.

Malaysia, tegasnya, tidak pernah bersikap angkuh dengan menghalau Indonesia dari Pulau Sipadan dan Ligitan semasa pertikaian kedua-dua negara berhubung pemilikan pulau berkenaan.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, tuduhan Singapura bahawa Malaysia membuat perkara yang sama seperti

yang dilakukan oleh republik berkenaan terhadap negara ini dalam isu Pulau Batu Putih adalah tidak benar.

“Tidak (seperti Singapura)... di Sipadan, tentera Indonesia datang dan ada yang mendarat di situ, tetapi kita tidak halang mereka, kita layan mereka dengan baik.

“Kita tidak buat perangai macam Singapura, kita tidak halau mereka atau usir mereka jauh-jauh,” tegas beliau.

Jayakumar dilaporkan berkata, tindakan negaranya di Pulau Batu Putih tiada bezanya dari segi undang-undang jika dibandingkan dengan tindakan Malaysia di Pulau Sipadan.

Jayakumar mendakwa Malaysia juga telah melakukan tindakan yang tidak mesra dan membelakangkan semangat kejiranan dengan meneruskan aktiviti di Pulau Sipadan.

Menteri itu bagaimanapun tidak pula menyebut mengenai tindakan pihak berkuasa Singapura menghalau nelayan dan pihak berkuasa Malaysia daripada mendekati Pulau Batu Putih.